

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9706**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa ops payung adalah amat berkesan dalam pencegahan kejadian jenayah serta mempertingkatkan kehadiran polis di kalangan masyarakat, justeru adakah Kementerian mempertimbangkan untuk memperluaskan Ops Payung dan memperuntukan dana bagi inisiatif.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited bagi menentukan kadar perlakuan jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun dengan melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah. Antara pendekatan awal yang diperkenalkan adalah menerusi "Op Payung" yang melibatkan kehadiran anggota polis di sesuatu kawasan yang dikenalpasti mempunyai kadar jenayah yang tinggi.**

**Sejajar dengan tuntutan masyarakat yang inginkan kehadiran polis meliputi kawasan yang lebih luas, pihak PDRM telah memperkenalkan konsep rondaan secara bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal-URB) bagi menggantikan "Op Payung". Dengan wujudnya URB, kawasan rondaan boleh diperluaskan dan tindakan yang lebih pantas dalam menangani jenayah boleh diambil berbanding dengan "Op Payung" yang mana pergerakan anggota polis adalah terhad kepada kawasan rondaan yang kecil.**

**Di bawah inisiatif ini, kerajaan telah meluluskan pembelian sebanyak 3,218 buah motosikal untuk diagihkan di seluruh negara. Kesan daripada penubuhan URB ini, kadar jenayah terutama di kawasan perumahan, kawasan Industri dan kawasan perbankan telah menunjukkan penurunan yang ketara.**

**Bagi meningkatkan lagi keberkesanan program pencegahan jenayah, PDRM juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu seperti berikut:-**

**i)      **Kepolisan Komuniti****

**Menjadikan masyarakat sebagai rakan seperjuangan untuk bersama memerangi jenayah. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pameran, ceramah, sukaneka dan melaksanakan kempen bersama membanteras jenayah atau *United Against Crime (UAC)* bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;**

**ii)     **Program “Go-To-Safety Points”****

**Melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat yang menyertai program ini iaitu *7-Eleven*, *Pos Malaysia Bhd* dan stesen minyak *Petron* serta *Shell* dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah;**

### **iii) Rondaan Cegah Jenayah**

**Polis bersama persatuan penduduk atau persatuan rukun tetangga akan membuat rondaan secara bersama di kawasan-kawasan perumahan. Inisiatif ini dibuat untuk memupuk rasa tanggungjawab di kalangan rakyat untuk berganding bahu dengan pihak polis dalam membanteras jenayah.**